

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION  
BIN ISMAIL [KULIM-BANDAR BHARU]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ KULIM-BANDAR BHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan "reserve" Kerajaan sekarang dan berikan perincian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pada 13 November 2020, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM436.0 bilion atau USD104.9 bilion yang memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertanggung dan merupakan 1.2 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa telah menunjukkan peningkatan sebanyak USD1.3 bilion berbanding akhir tahun 2019 iaitu sebanyak USD103.6 bilion.

2. Rizab antarabangsa berkenaan terdiri daripada rizab mata wang asing berjumlah USD95.2 bilion, kedudukan rizab IMF (USD1.4 bilion), Hak-hak Pengeluaran Khas (SDR) (USD1.2 bilion), emas berjumlah USD2.4 bilion dan lain-lain aset rizab (USD4.7 bilion).

Sekian, terima kasih.